

Kekalahan tak bermakna

hilang segala-galanya

BH 26 MAY 1984

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan calon-calon yang tewas dalam pemilihan parti supaya tidak menganggap kekalahan itu menyebabkan mereka hilang 'segala-galanya' dalam parti.

"Calon yang kalah tidak harus susah hati kerana dalam mana-mana pertandingan, ada yang menang dan ada yang kalah," katanya kepada para pemberita selepas menyampaikan ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Sebaliknya, tegas beliau, mereka haruslah melupakan persaingan yang berlaku ketika berkempen don seterusnya

sama-sama menunaikan tanggungjawab mereka untuk kebaikan parti.

"Jika seseorang calon itu menang dalam pemilihan, tidak pula bererti ia menang segala-galanya dalam parti. Jika tewas, tidak bererti ia tewas segala-galanya," tambah beliau.

Kepentingan

Apa yang penting, tegas Datuk Seri Dr Mahathir, ialah setiap ahli mesti mengutamakan kepentingan parti daripada kepentingan diri sendiri.

Kalaupun hanya calon yang menang sahaja yang bekerja untuk parti manakala calon

yang kalah tidak berbuat demikian, ini adalah satu keadaan yang membimbangkan dan boleh menjejaskan kedudukan parti."

Bagaimanapun, Perdana Menteri percaya, ahli-ahli Umno akan kembali bersatu selepas pemilihan dalam parti selesai dijalankan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memberitahu satu kajian akan diadakan selepas Perhimpunan Agung parti untuk mengkaji pelbagai perkara berhubung pemilihan parti.

Katanya, ini perlu untuk mengelak dan mengurangkan kepahitan persaingan berkempen yang berlaku sekarang.